

**22 Julai 2009 (Rabu)**

**Projek loji minyak : Kedah jangka raih RM400j**

SUNGAI PETANI 22 Julai - Kerajaan negeri Kedah dijangka meraih pendapatan sebanyak RM400 juta setahun hasil daripada projek loji penapisan minyak Sungai Limau Hidrokarbon Hab (Sulihh) yang dilaksanakan penghujung tahun ini. Menteri Besarnya, Datuk Seri Azizan Abdul Razak berkata, jumlah tersebut dianggap cukup besar bagi kerajaan negeri untuk meneruskan agenda pembangunan dan memastikan rakyat Kedah menikmati taraf hidup sejahtera. Katanya, kewujudan projek berkenaan juga dikatakan bakal mengubah lanskap pembangunan dan meletakkan Kedah sebagai negeri yang mempunyai loji penapisan minyak terbesar di Malaysia. "Projek ini berjalan dengan lancar dan majlis pecah tanah akan dilakukan selepas Hari Raya Aidilfitri. "Apabila beroperasi kelak, kerajaan negeri menjangkakan hasil yang diraih adalah kira-kira RM400 juta setahun. "Sementara rakyat Kedah pula akan mendapat banyak manfaat dari segi pembangunan, infrastruktur, pekerjaan dan perniagaan yang wujud melalui industri hiliran," katanya ketika berucap merasmikan Festival Kedah Sejahtera dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kedah di Padang Awam Bandar Laguna Merbok, di sini hari ini.

Hadir bersama ialah Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Pertanian dan Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Penerangan, Datuk Ir. Amiruddin Hamzah. Menurut Azizan, Kerajaan Kedah baru-baru ini telah memeterai memorandum perjanjian (MOA) dengan beberapa syarikat yang bertanggungjawab memajukan loji penapisan minyak berkenaan. Antara syarikat berkenaan ialah Merapoh Resources, Hong Kong Beijing Star Ltd. , Winson Investment Ltd. dan SK Engineering and Construction Ltd. of Korea. "Apabila loji ini siap, syarikat tersebut akan mengimport minyak mentah daripada Timur Tengah dan memproses minyak tersebut sebelum dieksport semula ke China dan negara Asia lain," katanya.

Beliau memberitahu, dalam tempoh tiga tahun pertama loji berkenaan beroperasi, seramai 35,000 individu berpeluang mendapat manfaat bekerja dengan syarikat tersebut. "Bagi membolehkan orang tempatan mendapat manfaat, keutamaan bekerja akan diberikan kepada rakyat negeri Kedah," jelasnya.

Sementara itu, Azizan berkata, Festival Kedah Sejahtera yang berlangsung hari ini hingga 28 Julai mendapat sambutan menggalakkan daripada usahawan dan orang ramai. Katanya, kira-kira 100 gerai yang mempamerkan aktiviti serta perkhidmatan agensi kerajaan disediakan melalui festival yang julung-julung kalinya diadakan Kerajaan Kedah. "Kos penganjuran program ini adalah sebanyak RM1 juta dan sebahagian besarnya dibiayai oleh sektor swasta menerusi skim penajaan," katanya.

**23 Julai 2009 (Khamis)**

### **Beri geran kepada kontraktor**

KUALA TERENGGANU 23 Julai - Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) berharap kerajaan dapat mengambil pendekatan baru dalam industri pembinaan dengan memberi geran kepada kontraktor dan menghentikan agihan projek seperti yang diamalkan sekarang. Geran yang dicadangkan itu berjumlah antara RM500,000 hingga RM1 juta setahun di setiap negeri. Presiden PKMM, Senator Datuk Roslan Awang Chik berkata, melalui geran itu ia mampu melahirkan golongan kontraktor yang berilmu dan kepakaran tinggi dalam bidang pembinaan.

Menurutnya, langkah itu juga dapat membantu mengubah minda kontraktor supaya tidak terlalu mengejar wang atau projek semata-mata, sebaliknya sentiasa mempunyai maklumat bagi menghasilkan kerja berkualiti. "Kalau boleh kita minta kerajaan berhenti memberi projek kepada kontraktor, sebaliknya mereka diberikan geran antara RM500,000 hingga RM1 juta setahun," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PKMM Negeri Terengganu kali ke-33 di sini hari ini.

Mesyuarat itu turut dihadiri Yang Dipertua PKMM Terengganu, Datuk Mohd. Nasir Tan Sri Ibrahim Fikri yang juga Ahli Parlimen Kuala Nerus. Roslan selanjutnya memberitahu, pendekatan seumpama itu juga membolehkan para kontraktor mengumpul data selain menerokai maklumat baru agar menghasilkan kerja lebih efisien. "Jika kita ada data, kita dapat membuat keputusan yang lebih baik," ujarinya.

Beliau juga berkata, kontraktor era sekarang perlu juga mengubah pemikiran mereka untuk terus berdaya maju agar keselamatan setiap projek yang dilaksanakan tidak terabai. Menurutnya, ilmu dan kepakaran yang dimiliki kontraktor perlu seiring dengan keadaan semasa dan tidak ketinggalan daripada segi pengurusan, kewangan dan teknik binaan.

**23 Julai 2009 (Khamis)**

### **CDRC beroperasi semula selesai masalah kewangan**

KUALA LUMPUR 23 Julai - Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC), yang dibubarkan pada Ogos 2002, memulakan semula operasinya hari ini sebagai langkah persediaan untuk membantu syarikat-syarikat menyelesaikan masalah kewangan mereka memandangkan kegawatan ekonomi sekarang. CDRC kali pertama ditubuhkan pada Julai 1998 semasa krisis kewangan serantau dan berjaya menyelesaikan 57 kes dengan jumlah hutang tertunggak RM45.8 bilion, membantu mempercepat pemulihan ekonomi negara pada masa itu. "Sebagai langkah persediaan, CDRC telah memulakan operasinya bagi menyediakan platform kepada peminjam korporat dan pemberi hutang mereka untuk

menyelesaikan penyelesaian hutang yang boleh dilaksanakan tanpa perlu melalui tindakan undang-undang," kata CDRC dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Inisiatif ini disediakan bagi memastikan semua kaedah tersedia untuk membantu syarikat yang bermasalah menyelesaikan obligasi hutang mereka. Syarikat-syarikat yang terjejas akibat daripada krisis ekonomi sekarang dan berdepan kesukaran untuk melunaskan obligasi hutang mereka boleh mendapat bantuan daripada CDRC. Peranan CDRC adalah untuk menjadi pengantara antara syarikat dengan pemberi pinjaman mereka bagi mencari penyelesaian penyusunan semula hutang yang berdaya maju.

Syarikat-syarikat yang ingin mendapatkan penyelesaian bagi obligasi hutang mereka menerusi CDRC perlu memenuhi kriteria berikut: Obligasi hutang sekurang-kurangnya RM100 juta, Sekurang-kurangnya tiga pemiutang kewangan (bank atau Sekuriti Hutang Swasta), tidak berada dalam keadaan penerimaan atau pembubaran. CDRC berkata, pihaknya juga mempunyai budi bicara untuk menerima atau menolak kes-kes yang tidak memenuhi kriteria kelayakan.

Prosiding CDRC akan ditadbir oleh Kod Tata Laku mengkhususkan tingkah laku semua peserta yang dijangkakan dan rangka kerja untuk mencapai skim penyusunan semula yang berdaya maju. Kod Tata Laku itu telah diedarkan kepada institusi kewangan untuk mendapat maklum balas dan dijangka dimuktamadkan minggu depan. "Dengan operasi CDRC dimulakan semula, peminjam korporat yang bermasalah kini mempunyai platform alternatif untuk menyelesaikan obligasi hutang dengan pemiutang mereka dengan cara yang lebih efektif dan berkesan."

CDRC menyasar untuk membantu mengekalkan aktiviti ekonomi di Malaysia dan memulihkan pekerjaan dengan mempercepat penyusunan semula hutang perniagaan berdaya maju. Bank Negara Malaysia telah melantik Datuk Seri Abdul Hamidy Abdul Hafiz, bekas pengarah urusan Affin Bank, sebagai pengerusi CDRC. Anggota lain adalah Datuk Mohammed Hussein, Datuk Muhammad bin Ibrahim, Datuk Ranjit Ajit Singh, Abdul Kadir Kassim, Ahmad Badri bin Mohd Zahir, Nik Mohd Hasyudeen Yusoff dan Philip Tan Puay Koon.

**24 Julai 2009 (Jumaat)**

**Tamansari bangun projek RM4.7b**



Lakaran artis, projek Taman Sari.

KUALA LUMPUR 24 Julai - Tamansari Development Corporation (Tamansari) akan membangunkan fasa pertama projek pembangunan bercampur dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM4.77 bilion di Jalan Tun Razak dan Jalan Pahang, di sini pada awal September ini. Pemilik dan Pengerusi Asie Sdn. Bhd., Datuk Khalil Akasah berkata, fasa pertama projek pembangunan yang dikenali sebagai Taman Sari akan dimulakan dengan Parcel K yang membabitkan pembinaan menara pejabat dan tiga apartmen perkhidmatan yang dijangka siap dalam tempoh 36 bulan.

"Fasa pertama juga melibatkan pembinaan Parcel X dan L yang merupakan pembangunan plaza pengangkutan dan hotel bajet serta Parcel M melibatkan pembangunan menara berputar bernilai RM1.1 bilion. "Menara berputar 60 tingkat itu akan menjadi mercu tanda kedua selepas Menara Berkembar Kuala Lumpur. Menara itu mempunyai ciri pembangunan teknologi tinggi dan kalis gempa bumi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis menandatangani perjanjian pelaburan untuk fasa pertama projek Taman Sari antara Tamansari dan pelabur dari Thailand Thongmark International Co. Ltd. di sini hari ini. Tamansari merupakan syarikat usahasama antara Asie Sdn. Bhd. (Asie) yang menguasai 80 peratus kepentingan dalam syarikat tersebut manakala baki 20 peratus adalah milik Saha Regal Best Co. Ltd. (Saha Regal) dari Thailand.

Tambah Khalil, projek Taman Sari itu merupakan projek pembangunan semula menggantikan rumah pangsa Jalan Pekeliling di atas tapak seluas 3.2 hektar. "Menara 60 tingkat berputar berkenaan akan menempatkan 20 tingkat ruang pejabat, 20 tingkat bilik hotel yang dilengkapi 288 bilik, 20 tingkat pangsapuri perkhidmatan dan 'penthouse' dan enam tingkat ruang peruncitan," katanya.

**24 Julai 2009 (Jumaat)**

**LLM sahkan struktur jambatan simpang Puchong Jaya-LDP selamat**

KUALA LUMPUR 24 Julai - Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) hari ini mengesahkan bahawa struktur jambatan di Persimpangan Puchong Jaya-Lebuhraya Damansara Puchong selamat digunakan oleh pengguna lebuhraya. LLM dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini berkata, pemeriksaan yang dibuat oleh perunding yang dilantik oleh Lingkaran Transkota Sdn. Bhd. (Littrak) mendapati keretakan yang berlaku adalah tidak kritikal dan tidak menjejaskan kekukuhan integriti struktur jejambat itu.

"Juru perunding pemeriksa telah menjalankan kerja-kerja pembaikan dengan menutup keretakan itu menggunakan kaedah 'epoxy injection', disusuli dengan pemerhatian berterusan untuk memastikan tiada keretakan baru atau berulang terbentuk. "Kerja-kerja ini telah dilaksanakan pada bulan Mei, dan hasil pemerhatian berkala yang dijalankan selepas itu mendapati bahawa tiada sebarang keretakan baru atau berulang dikenal pasti," kata LLM.

Mengenai dakwaan pengguna terdapat keretakan kritikal sepanjang 8.65mm pada struktur jejambat tersebut, LLM berkata, ia sebenarnya tanda yang dibuat untuk kerja-kerja pembaikan, serta untuk pemantauan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa. Bagaimanapun, LLM telah mengarahkan Littrak untuk terus membuat pemantauan rapi di jejambat berkenaan bagi memastikan ia adalah selamat digunakan oleh orang ramai. - BERNAMA

**25 Julai 2009 (Sabtu)**

## **Atasi pencemaran sungai**

Oleh JAMLIAH ABDULLAH [utusanN9@utusan.com.my](mailto:utusanN9@utusan.com.my)



**ORANG ramai bergotong-royong mengecat pagar di sekitar Sungai Temiang yang bersebelahan dengan Flat Templer Jalan Tun Dr. Ismail, Seremban, semalam**

SEREMBAN 25 Julai - Sasaran memastikan kualiti air sungai di negeri ini mencapai Kelas 2 daripada Kelas 3 terutama di Sungai Temiang di sini menjelang akhir tahun ini dijadikan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) negeri demi memastikan ia mencapai objektif. Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Perladangan, Sumber Manusia, Alam Sekitar dan Pengaduan Awam, V. S. Mogan berkata, langkah itu membuktikan kerajaan negeri serius

dalam menangani permasalahan pencemaran sungai di negeri ini yang berada pada tahap membimbangkan. "Bandar ini menuju ke arah bandar raya namun sungai yang terletak di dalamnya berada dalam keadaan kurang memuaskan. Semua ini akan memberi imej negatif kepada bandar ini. "Atas sebab itu kita melaksanakan pelbagai program berkaitan dalam usaha memastikan sungai anugerah Tuhan ini bersih dan indah," kata beliau.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas hadir merasmikan Program Satu Negeri, Satu Sungai yang membabitkan aktiviti gotong-royong di kalangan penduduk sekitar Sungai Temiang di sini hari ini. Hadir sama, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran negeri, Ir Baharuddin Ahmad Nasir dan Pengarah Jabatan Alam Sekitar negeri, Charanpal Singh. Sebanyak 200 penduduk termasuk 30 pelajar sekolah menyertai aktiviti tersebut yang diadakan buat julung kali.

Mogan memberitahu, program tersebut antaranya bertujuan untuk memastikan seluruh sungai di negeri ini bebas dari sampah sarap yang menyumbang pencemaran airnya dan banjir kilat. "Aktiviti gotong-royong ini diadakan dengan harapan ia dapat memberi kesedaran kepada orang ramai tentang pentingnya menjaga kebersihan sungai kita. "Sungai Temiang dipilih kerana ia merupakan satu-satunya sungai yang mengalir di tengah bandar yang seharusnya dijadikan sungai bersih, indah dan saujana. Selain itu sungai ini juga punca sumber air kerana ia akan mengalir ke Sungai Linggi di hilir," kata beliau.

Beliau pada masa yang sama tidak menafikan bahawa pencemaran sungai tersebut yang sering mengeluarkan bau busuk dan meloyakan adalah berpunca daripada sikap orang ramai. "Pencemaran di Sungai Temiang ini antaranya berpunca daripada sikap peniaga di pasar besar Seremban yang gagal menguruskan sisa pepejal mereka dengan baik walaupun selepas pelbagai kursus dan program diatur. Ini yang amat kita kesali," tambah beliau.

Berikutan dengan perkara itu, kata Mogan, kerajaan negeri bersama jabatan berkaitan melalui satu jawatankuasa khas akan sentiasa memantau situasi tersebut di samping melaksanakan pelbagai usaha lain. "Antara yang bakal kita laksanakan adalah dari segi penguatkuasaan termasuk mengambil tindakan ke atas mereka yang masih degil dan membuang sampah merata-rata termasuk ke dalam sungai," katanya lagi.

**26 Julai 2009 (Ahad)**

## **Ekonomi negara belum pasti pulih separuh kedua?**

KUALA LUMPUR 26 Julai - Ekonomi Malaysia masih lagi belum dapat dipastikan kembali pulih pada separuh kedua 2009 seperti yang diramalkan sebelum ini. Pakar ekonomi negara, Datuk Dr. Zainal Aznam Mohd. Yusof berkata, meskipun ekonomi global semakin terjejas tetapi ekonomi negara belum lagi berada di paras terendahnya. "Secara peribadi saya masih lagi pesimis dengan ramalan yang dibuat oleh pelbagai pihak yang menyatakan ekonomi negara akan kembali pulih pada pertengahan tahun ini. "Ekonomi kita masih

belum berada pada kedudukan sepatutnya (paras terendah) untuk kembali mencatatkan pemulihan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Sebaliknya, secara peribadi, beliau berpendapat, ekonomi semasa global baru mencecah paras terendah sejak krisis ekonomi bermula daripada Amerika Syarikat akibat kemelut subprima pada pertengahan 2007. Mengulas mengenai ekonomi tempatan, Zainal Aznam berkata, beliau tidak menolak Malaysia berkemungkinan terjerumus dalam kemelesetan ekonomi sekiranya data-data ekonomi terus mencatatkan penurunan. "Ekonomi negara telah merosot dengan ketara dan sekiranya ia berpanjangan untuk suku kedua dan ketiga, Malaysia akan mengalami kemelesetan ekonomi," ujarinya.

Beliau menjelaskan, walaupun kerajaan belum mengumumkan kedudukan sebenar tetapi ramalan kerajaan bahawa ekonomi negara akan menguncup antara empat hingga lima peratus selaras dengan kemungkinan berlaku kemelesetan ekonomi. Ekonomi Malaysia menguncup lebih teruk apabila Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku pertama 2009 berada di paras -6.2 berbanding 7.4 peratus pada tempoh yang sama tahun lalu berikutan krisis semasa ekonomi dunia terus berlarutan.

Ini merupakan penguncupan KDNK terburuk sejak suku keempat 1998 apabila ekonomi Malaysia terjerumus dalam kemelesetan ketika krisis kewangan Asia. KDNK pada waktu itu adalah -8.1 peratus. Malah, Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz juga tidak menolak KDNK suku kedua juga mencatatkan penguncupan yang sama seperti suku sebelumnya.

**27 Julai 2009 (Isnin)**

**KPI sasaran Najib**

Oleh ZULKIFLI JALIL dan HASHNAN ABDULLAH [pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>1 Jenayah</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Mengurangkan jenayah jalanan 20 peratus pada hujung 2010.</li> <li>● Pasukan Rela dikemaskini dan diberi latihan secukupnya.</li> <li>● CCTV ditambah untuk cegah jenayah.</li> <li>● Percepatkan proses perundangan kes-kes tertangguh.</li> </ul>                                                |
| <b>2 Rasuah</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Tender terbuka atau tender terhad semua perolehan kerajaan kecuali kes-kes tertentu.</li> <li>● SPRM mempunyai bidang kuasa dan perundangan yang lebih efektif.</li> </ul>                                                                                                                         |
| <b>3 Pendidikan</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Semua kanak-kanak menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira ketika melangkah ke tahun 4 sebelum hujung 2012.</li> <li>● Disasarkan 80 peratus kanak-kanak dapat akses ke pendidikan pra sekolah menjelang 2012.</li> </ul>                                                                  |
| <b>4 Taraf hidup rakyat</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Kemiskinan tegar dihapuskan menjelang hujung 2010.</li> <li>● Bermula 1 Januari 2010, semua bantuan kebajikan untuk rakyat dibayar pada setiap 1 haribulan.</li> <li>● Menjelang 2012, usahawan wanita yang kini 717 orang ditambah kepada 4,000 orang melalui Amanah Ikhtiar Malaysia.</li> </ul> |
| <b>5 Prasarana luar bandar</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Menambah kemudahan jalan, bekalan air dan elektrik khususnya di Sabah dan Sarawak.</li> <li>● 50,000 unit rumah golongan miskin dan miskin tegar dibina dan dibaikpulih menjelang hujung 2012.</li> </ul>                                                                                          |
| <b>6 Pengangkutan awam</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Jumlah penduduk Lembah Klang menggunakan pengangkutan awam ditingkatkan dari 16 peratus kepada 25 peratus pada hujung 2012.</li> <li>● Menjelang hujung 2012, tambahan 35 set 4-car-train beroperasi untuk laluan LRT Kelana Jaya.</li> </ul>                                                      |

#### Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA)

PUTRAJAYA 27 Julai - Bermula Januari 2010, semua bantuan kebajikan untuk rakyat akan dibayar pada setiap 1 haribulan, kata Datuk Seri Najib Tun Razak. Memperincikan enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) di sini, Perdana Menteri berkata, kerajaan turut menetapkan semua kanak-kanak normal yang bersekolah boleh menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira ketika melangkah ke tahun 4 sekolah rendah sebelum penghujung 2012.

Pada masa sama, tegas beliau, ditetapkan sasaran pengurangan jenayah jalanan termasuk curi ragut dan samun tanpa senjata khususnya di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor, sebanyak 20 peratus pada akhir 2010. "Saya tidak mahu rakyat sebagai klien utama (kerajaan) berada dalam keadaan teraba-raba dan samar akan apakah inisiatif, rancangan dan hala tuju pembangunan yang sedang digembleng oleh kerajaan.

“Sesungguhnya kita komited melakukan transformasi – bukan pembaharuan penambahbaikan - melalui pengurusan berteraskan pencapaian dengan menggunakan kaedah penetapan NKRA dan pengukuran Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Ini semua dilakukan bagi memastikan pada analisis akhir, rakyatlah yang akan memperoleh faedahnya,” katanya.

Najib menyatakan demikian dalam ucapan bertemakan ‘Merevolusi Pengurusan Perkhidmatan Kerajaan: Pencapaian Diutamakan’ di hadapan 3,000 pegawai kerajaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) hari ini. Hadir sama sebahagian besar Menteri Kabinet dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan.

Najib berkata, pentadbiran beliau mengambil daya usaha memperkenalkan NKRA dan KPI bagi memastikan elemen kebertanggungjawaban yang serius wujud di kalangan anggota pentadbiran dan juga penjawat awam. Kerana itu, kata beliau, dalam NKRA keempat misalnya iaitu yang menekankan usaha meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah, kerajaan bertekad untuk membanteras kemiskinan tegar menjelang 31 Disember 2010. Ketika ini terdapat hampir 45,000 ketua isi rumah (KIR) miskin tegar di seluruh negara dan daripadanya, lebih 11,000 disahkan statusnya serta telah mendapat bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat.



**Najib Tun Razak ketika berucap di hadapan 3,000 orang anggota Perkhidmatan Awam di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam.**

Dalam NKRA pertama untuk mengurangkan kadar jenayah pula, kata Najib, Kementerian Dalam Negeri akan bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Perdana Menteri untuk mengkaji cara-cara mempercepatkan proses perundangan terhadap kes-kes tertangguh. “Ini dibuat menerusi misalnya dengan mewujudkan tribunal khas bagi jenayah jalanan,” katanya.

Dalam usaha menambah baik pengangkutan awam dalam jangka masa sederhana (NKRA keenam), Najib turut mengumumkan tambahan 35 set “4-car-train” yang akan beroperasi untuk laluan LRT Kelana Jaya menjelang akhir 2012. “Mengikut statistik Kementerian Pengangkutan, pada masa ini hanya 16 peratus daripada penduduk Lembah Klang menggunakan sistem pengangkutan awam. Maknanya, kerajaan menyasarkan peratus ini akan ditingkatkan lagi kepada 2 peratus pada penghujung 2012,” katanya.

Perdana Menteri berkata, sebagai ketua kerajaan, beliau insaf bahawa yang akan menilai kepemimpinannya nanti akhirnya adalah rakyat. Tegasnya, apa yang pasti, beliau dan rakan-rakan telah, sedang dan akan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan sehabis baik dan sedaya mampu. "Kata orang dulu-dulu, kalau tidak dipecahkan ruyung manakan boleh mendapat sagunya. "Marilah bersama menghitung doa ke hadrat Allah Yang Maha Kuasa agar kita diberi kekuatan dan ketabahan untuk melunaskan rancangan mulia ini '1Harapan, 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'," katanya.

## **28 Julai 2009 (Selasa)**

### **Penyerapan penjawat awam, GLC mulai 1 Sept.**

PUTRAJAYA 27 Julai - Bermula 1 September ini, seramai 20 kakitangan kerajaan dan syarikat milik kerajaan (GLC) akan menyertai proses saling penyerapan di antara sektor awam dan swasta. Mengumumkan perkara itu, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ia selaras dengan cadangan beliau untuk melaksanakan modenisasi dan pembaharuan struktural dalam perkhidmatan awam. "Saya gembira kerana di antara anggota pentadbiran, penjawat awam dan GLC telah wujud satu bentuk pertautan sebagai pemangkin kejayaan Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Perdana Menteri Bersama Pegawai Kerajaan di sini hari ini. Semasa berucap pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-10 (MAPPA X) di sini April lalu, Najib mencadangkan jawatan-jawatan utama sektor awam dibuka kepada bakat-bakat daripada sektor swasta dan GLC selain perkhidmatan tadbir dan diplomatik. Menurutnya, pembaharuan struktural perkhidmatan awam itu dicadangkan demi kepentingan rakyat. Selain itu, Najib juga mencadangkan satu dasar pintu terbuka dengan pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang boleh dipinjamkan ke GLC dan sebaliknya untuk saling menimba ilmu. Dengan cara itu, pegawai perkhidmatan awam boleh didedahkan kepada keperluan sektor swasta yang merupakan peneraju utama pertumbuhan negara.